

Pertukaran Budaya dan Identiti Hibrid: Kajian Pengaruh Budaya Jepun dalam Kalangan Mahasiswa UIS

Cultural Exchange and Hybrid Identity: A Study of the Influence of Japanese Culture Among UIS Students

Wan Mohd Fairaz Wan Mohd Ghazali¹, Nur Aisyah Abu Hassan²

¹Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, fairaz@uis.edu.my, +60183867138

²Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, nuraisyah@uis.edu.my, +601120674301

ABSTRAK

Kajian ini meneliti bagaimana budaya Jepun seperti anime, fesyen, muzik, makanan, dan bahasa mempengaruhi mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS). Dalam dunia digital yang semakin terbuka, unsur budaya Jepun semakin biasa dalam kehidupan harian anak muda di Malaysia, menimbulkan persoalan berkaitan kesannya terhadap identiti budaya tempatan dan cara belia menyesuaikan pengaruh luar ini dengan nilai budaya sendiri.

Tujuan utama kajian adalah untuk memahami bagaimana mahasiswa UIS menerima, menyesuaikan, dan menggabungkan budaya Jepun dengan budaya Malaysia serta bagaimana gabungan ini membentuk identiti baharu dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual separa berstruktur melibatkan lima mahasiswa UIS yang aktif dalam budaya Jepun seperti peminat anime, cosplayer, dan peminat muzik J-pop. Kata kunci: Identiti, budaya Malaysia, budaya Jepun, pengaruh, mahasiswa UIS. Hasil temu bual menunjukkan bahawa unsur budaya Jepun diterima secara selektif. Aspek hiburan dan estetik seperti gaya berpakaian dan muzik mudah diterima dan disesuaikan, manakala nilai seperti agama dan hubungan kekeluargaan terus dijaga dengan rapi. Mahasiswa juga menunjukkan kreativiti dalam menggabungkan elemen budaya Jepun dengan budaya tempatan, contohnya melalui fesyen dan penggunaan bahasa.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa Malaysia mampu menyesuaikan diri dengan pengaruh budaya luar tanpa mengabaikan akar budaya sendiri. Proses ini mencerminkan pembentukan identiti yang lebih terbuka dan pelbagai, sekaligus membantu memahami perubahan identiti mahasiswa masa kini serta memberi gambaran tentang arah masyarakat yang lebih terbuka dan seimbang dari segi budaya.

Kata kunci: Budaya Jepun, identiti hibrid, budaya, Malaysia, UIS, pertukaran

ABSTRACT

This study examines how Japanese cultural elements such as anime, fashion, music, food, and language influence students at Universiti Islam Selangor (UIS). With today's open digital setting, Japanese culture has become more common in the daily lives of young people in Malaysia, raising questions about its impact on local cultural identity and how youth adapt

these external influences to their own values. The main aim of the study is to understand how UIS students receive, adapt, and blend Japanese culture with Malaysian culture, and how this mixture shapes new forms of identity among them. The study uses a qualitative approach through semi-structured interviews with five UIS students who are actively involved in Japanese culture, such as anime fans, cosplayers, and J-pop music enthusiasts. Interview findings show that Japanese cultural elements are adopted selectively. Entertainment and aesthetic aspects such as fashion and music are easily accepted and adapted, while values related to religion and family ties continue to be upheld with care. Students also show creativity in blending Japanese and local cultural elements, including through fashion and the use of language. Overall, the study indicates that Malaysian students are able to adapt to external cultural influences without neglecting their own cultural roots. This process reflects the formation of a more open and diverse identity, offering insight into shifts in student identity today and suggesting a movement towards a more open and balanced cultural outlook in society.

Keywords: Japanese culture, hybrid identity, culture, Malaysia, UIS, exchange

Received: October 18, 2025

Accepted: November 29, 2025

Online Published: November 30, 2025

1. Pengenalan

Dalam era globalisasi yang semakin pesat, pertukaran budaya antara negara menjadi semakin meluas dan memberi kesan kepada pembentukan identiti individu, terutama dalam kalangan generasi muda. Budaya Jepun, dengan pelbagai elemen unik seperti anime, fesyen, muzik, makanan, dan bahasa, semakin popular di kalangan mahasiswa Malaysia, khususnya di Universiti Islam Selangor (UIS). Fenomena ini mencerminkan bukan sahaja minat terhadap budaya asing tetapi juga pembentukan identiti hibrid yang menggabungkan budaya tempatan dan budaya Jepun.

Walau bagaimanapun, persoalannya adalah sejauh mana pengaruh budaya Jepun mempengaruhi identiti budaya mahasiswa UIS, bagaimana mereka menyesuaikan dan mengintegrasikan nilai budaya Jepun ke dalam kehidupan seharian tanpa mengabaikan nilai dan norma tempatan. Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan tersebut.

Pelbagai kajian lepas yang telah dibuat meliputi pelbagai bidang seperti pendidikan, sosiobudaya, peranan media namun kajian ini ingin mengetengahkan beberapa persoalan kajian yang berkaitan pertukaran budaya dan hibrid identiti yang hanya berfokuskan kepada golongan mahasiswa di UIS.

Objektif khusus kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti tahap penerimaan budaya popular Jepun dalam kalangan mahasiswa UIS.
2. Menganalisis bentuk identiti hibrid yang terhasil daripada interaksi budaya Jepun dan budaya tempatan.
3. Menilai impak pengaruh budaya Jepun terhadap nilai dan amalan budaya tempatan mahasiswa UIS.

Manakala persoalan kajian yang ingin dikaji ialah:

1. Apakah tahap penerimaan budaya popular Jepun (seperti anime, J-Pop, dan fesyen) dalam kalangan mahasiswa UIS?
2. Bagaimanakah budaya Jepun mempengaruhi pembentukan identiti hibrid dalam kalangan mahasiswa UIS?
3. Sejauh manakah pengaruh budaya Jepun memberi kesan kepada nilai dan amalan budaya tempatan mahasiswa UIS?

Kajian ini penting kerana ia memberi gambaran mengenai bagaimana proses pertukaran budaya dan pembentukan identiti hibrid berlaku di kalangan generasi muda dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia. Ia juga membantu memberi panduan kepada pihak universiti dan pembuat dasar dalam merangka strategi pemeraksanaan identiti pelajar yang harmoni dengan nilai tempatan serta pengaruh global.

3. Budaya

Pertukaran budaya merujuk kepada proses interaksi antara dua atau lebih kumpulan masyarakat yang berbeza budaya, yang membawa kepada pemahaman, adaptasi, dan kadangkala asimilasi unsur-unsur budaya antara satu sama lain. Ia melibatkan pemindahan nilai, norma, kepercayaan, dan amalan sosial antara dua atau lebih budaya, sama ada secara langsung melalui pengalaman hidup atau secara tidak langsung melalui media, pendidikan, dan aktiviti sosial.

Menurut Gullahorn & Gullahorn (1963), pertukaran budaya sering dikaitkan dengan proses adaptasi antara budaya, iaitu penyesuaian individu terhadap budaya baharu melalui beberapa fasa seperti fasa bulan madu, kejutan budaya, pemulihan, dan pelarasan. Guo-Ming Chen (2013) pula melihat pertukaran budaya sebagai satu proses dinamik yang bertujuan meningkatkan pemahaman bersama, saling menghormati, dan penerimaan antara individu dari budaya berbeza. Costello (2015) menyatakan bahawa pengalaman belajar atau bekerja di luar negara membuka peluang kepada individu untuk terdedah kepada budaya asing, mempelajari bahasa baharu, dan membina kecekapan antarabudaya, yang kesemuanya adalah sebahagian daripada proses pertukaran budaya.

Kajian lepas menekankan beberapa elemen utama dalam mendefinisikan pertukaran budaya:

- **Interaksi dan Penyesuaian:** Melibatkan pertembungan dua budaya yang membawa kepada penyesuaian tingkah laku, komunikasi, dan cara hidup.
- **Perkongsian Nilai dan Amalan:** Proses di mana nilai, norma, dan amalan sosial dipindahkan dan diterima antara kumpulan budaya.
- **Kesan Produktif:** Pertukaran budaya dianggap memberi manfaat seperti peningkatan pemahaman, toleransi, dan pembangunan diri.
- **Proses Berterusan:** Ia bukan satu peristiwa statik, tetapi satu proses yang dinamik dan berterusan seiring dengan perubahan sosial dan globalisasi.

Definisi pertukaran budaya dalam kajian lepas sangat berkait rapat dengan aspek adaptasi, interaksi, dan manfaat yang diperoleh hasil daripada pertembungan dua atau lebih budaya. Ia melibatkan perubahan sikap, nilai, dan amalan yang akhirnya membentuk identiti baharu yang lebih inklusif dan harmoni

Identiti Hibrid

Identiti hibrid merujuk kepada pembentukan identiti yang bersifat kacukan atau gabungan antara dua atau lebih budaya, di mana individu menggabungkan unsur budaya tempatan dan budaya global dalam pembentukan jati diri mereka. Konsep ini menolak idea identiti yang statik dan tetap, sebaliknya menekankan sifat identiti yang fleksibel, dinamik, dan sentiasa berubah mengikut konteks sosial dan pengalaman individu.

Menurut Anthony Giddens (1991, 1997), dalam era globalisasi, tradisi dan nilai tempatan semakin lemah dan individu terpaksa memilih serta menyesuaikan gaya hidup global yang sesuai dengan nilai tempatan mereka melalui proses reflektiviti, yakni satu proses bermuhasabah diri yang berterusan untuk menerima atau menolak nilai luar yang dibawa oleh globalisasi media. Proses ini menyebabkan identiti menjadi kacukan dan tidak lagi terikat kepada satu budaya sahaja.

Kajian oleh Haryati Abdul Karim (2014) menekankan beberapa elemen utama dalam pembentukan identiti hibrid di kalangan remaja Malaysia:

- **Refleksiviti (Muhasabah Diri):** Individu sentiasa membandingkan nilai budaya luar dengan nilai tempatan sebelum memutuskan untuk menerima atau menolak nilai tersebut.
- **Pengadunan Nilai Budaya:** Identiti terbentuk melalui pengukuhan nilai budaya tempatan dan penggabungan nilai budaya global seperti liberalisme yang diadaptasi oleh remaja sebagai asas untuk mempersoalkan pandangan dominan dalam negara.
- **Pengaruh Media Global:** Media menjadi saluran utama yang membawa budaya global masuk ke dalam kehidupan harian remaja, mempengaruhi pembentukan identiti mereka secara tidak langsung.
- **Kedudukan Etnisiti dan Agama:** Walaupun pengaruh global kuat, nilai etnisiti dan agama masih menjadi asas penting dalam pembentukan identiti budaya tempatan dalam kalangan remaja.

Menurut Giddens (1997) menekankan bahawa globalisasi menyebabkan proses *disembeddedness* di mana hubungan sosial tidak lagi terikat kepada konteks tempatan sahaja, menyebabkan individu membentuk identiti yang hibrid melalui proses reflektiviti.

Identiti hibrid merupakan satu konsep penting dalam memahami bagaimana individu, terutamanya generasi muda, membentuk jati diri mereka dalam dunia yang semakin global dan berteknologi tinggi. Kajian-kajian lepas menekankan bahawa proses pembentukan identiti ini adalah hasil daripada interaksi antara budaya tempatan dan global, di mana media memainkan peranan utama dalam membawa unsur budaya luar ke dalam kehidupan seharian. Proses reflektiviti membolehkan individu memilih dan menyesuaikan nilai yang sesuai dengan konteks mereka, menjadikan identiti bersifat fleksibel dan kacukan.

4. Kerangka teori

Kajian ini menggunakan beberapa teori utama untuk menjelaskan interaksi budaya dan pembentukan identiti hibrid dalam kalangan mahasiswa UIS yang dipengaruhi oleh budaya Jepun.

Pertama, Teori Hibridisasi Budaya menjadi payung utama yang menerangkan bagaimana unsur budaya tempatan dan global bergabung membentuk identiti baharu yang fleksibel dan dinamik. Teori ini menolak pandangan identiti yang statik dan menegaskan sifat identiti yang sentiasa berubah mengikut konteks sosial dan pengalaman individu.

Kedua, Teori Akulturasi digunakan untuk menganalisis strategi adaptasi budaya oleh mahasiswa. Teori ini memberi fokus kepada proses di mana individu atau kumpulan menyerap, menolak, atau mengubah unsur-unsur budaya asing agar sesuai dengan nilai budaya tempatan tanpa kehilangan akar budaya asal.

Ketiga, kajian ini juga mengambil kira konsep Kuasa Lembut (Soft Power) yang menjelaskan tarikan budaya Jepun sebagai satu bentuk pengaruh tidak langsung melalui media, hiburan, dan gaya hidup yang mempengaruhi penerimaan dan adaptasi budaya oleh mahasiswa UIS.

Gabungan ketiga-tiga teori ini membantu memahami bagaimana mahasiswa menerima, memilih, dan mengolah unsur budaya Jepun dalam konteks budaya Melayu-Islam mereka, seterusnya membentuk identiti hibrid yang unik dan seimbang. Kajian ini juga berusaha mengkaji implikasi sosial dan budaya hasil interaksi budaya tersebut.

5. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi interpretif bagi memahami secara mendalam pengaruh budaya Jepun terhadap pembentukan identiti hibrid dalam kalangan mahasiswa UIS. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh data yang kaya dan terperinci berdasarkan pengalaman, pandangan, dan interpretasi peserta mengenai fenomena yang dikaji.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan menerusi temu bual separa berstruktur dengan lima belas pelajar yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan (purposive sampling). Peserta terdiri daripada mahasiswa yang mempunyai pengalaman aktif dalam budaya Jepun, termasuk peminat anime, ahli kelab budaya Jepun, dan pelajar bahasa Jepun.

Temu bual separa berstruktur memberikan fleksibiliti kepada pengkaji untuk mengemukakan soalan utama dan membenarkan peserta mengembangkan jawapan secara bebas dan mendalam. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian.

Pemilihan peserta

Peserta kajian terdiri daripada mahasiswa yang mempunyai pengalaman dan minat dalam budaya Jepun, khususnya:

- Pelajar yang mengikuti pengajian bahasa Jepun di universiti.
- Pelajar yang aktif menyertai kelab budaya Jepun yang dikenali sebagai *Otakunisian*.

Pemilihan peserta menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk memastikan maklumat yang diperolehi relevan dengan objektif kajian. Kriteria utama peserta adalah mereka yang mempunyai pengalaman langsung dalam interaksi budaya Jepun melalui pembelajaran bahasa atau penglibatan dalam aktiviti kelab budaya.

6. Dapatan

Berdasarkan data kajian melalui temubual separa berstruktur, berikut adalah tema mengikut objektif dan penerangan menggunakan objektif kajian.

Berdasarkan data kajian yang dianalisis mengikut objektif kajian, tema utama yang dapat dikenalpasti adalah:

Objektif 1: Pengenalan dan minat dengan budaya Jepun melalui media hiburan seperti anime, muzik, dan drama.

Objektif 2: Pembentukan identiti hibrid yang menggabungkan nilai budaya Jepun dan budaya Melayu-Islam secara selektif dan reflektif.

Objektif 3: Impak budaya Jepun terhadap nilai dan amalan budaya tempatan, dengan usaha mengekalkan keseimbangan budaya.

Objektif 1: Tahap Penerimaan Budaya Populer Jepun dalam Kalangan Mahasiswa UIS
Mahasiswa menunjukkan minat yang tinggi terhadap budaya populer Jepun, terutama anime dan muzik. Mereka menerimanya sebagai sebahagian hiburan penting dalam kehidupan.

"Anime dan J-Pop memang jadi hiburan utama saya."

"Saya mula minat budaya Jepun sebab tengok anime sejak kecil."

"Lagu-lagu J-Pop saya selalu dengar semasa belajar dan buat kerja."

Objektif 2: Bentuk Identiti Hibrid yang Terhasil daripada Interaksi Budaya Jepun dan Budaya Asal

Mahasiswa secara selektif dan reflektif menggabungkan budaya Jepun dengan budaya tempatan. Mereka mengekalkan nilai agama dan adat, menyesuaikan elemen budaya luar agar sesuai dengan identiti Melayu-Islam.

"Saya suka nilai kerja keras dan disiplin orang Jepun, tapi saya tetap jaga adat Melayu dan agama saya."

"Dalam cosplay, saya pastikan pakaian saya tidak terlalu terbuka supaya sesuai dengan norma kita."

"Nilai kebersihan dan hormat saya ambil dari budaya Jepun, tapi saya gabungkan dengan ajaran Islam."

Objektif 3: Impak Pengaruh Budaya Jepun Terhadap Nilai dan Amalan Budaya Tempatan

Terdapat kesan pada nilai dan amalan tempatan, di mana sesetengah nilai tempatan berubah akibat pendedahan kepada budaya Jepun, walaupun sebahagian besar mahasiswa tetap berpegang pada akar budaya mereka.

"Nilai kesopanan dan semangat gotong-royong dalam kalangan saya agak terjejas selepas terdedah kepada budaya Jepun."

"Gaya pertuturan dan etika kami berubah sedikit dengan pengaruh budaya Jepun."

"Saya rasa budaya tempatan tetap kukuh tapi saya belajar banyak perkara baru dari budaya Jepun."

6. Perbincangan

Pengenalan Perbincangan

Kajian ini bertujuan memahami pengaruh budaya Jepun dalam pembentukan identiti hibrid mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS). Melalui analisis data kualitatif, kajian ini menyorot tema-tema utama berkaitan penerimaan budaya Jepun, proses pembentukan identiti, serta impak budaya Jepun terhadap nilai dan amalan budaya tempatan, dalam konteks globalisasi dan perkembangan teknologi.

Perbincangan Mengikut Objektif

Objektif 1: Tahap penerimaan budaya popular Jepun dalam kalangan mahasiswa UIS

Tema utama yang ditemui ialah pengenalan dan minat mahasiswa terhadap budaya Jepun menerusi media hiburan seperti anime, muzik J-Pop, dan drama. Media ini bukan sahaja menjadi hiburan, tetapi juga medium kuasa lembut yang menarik minat generasi muda. Dialog seperti, "Anime dan J-Pop memang jadi hiburan utama saya," menggambarkan keterbukaan mahasiswa terhadap budaya ini. Kesan kuat budaya popular Jepun ini membuka jalan kepada penerimaan nilai dan norma budaya lain secara tidak langsung.

Objektif 2: Bentuk identiti hibrid yang terhasil daripada interaksi budaya Jepun dan budaya asal

Mahasiswa menunjukkan tema pembentukan identiti hibrid yang menggabungkan nilai dan norma budaya Jepun dengan budaya Melayu-Islam secara selektif dan reflektif. Identiti ini bersifat dinamik dan berubah mengikut pengalaman dan konteks sosial. Dialog seperti, "Saya suka nilai disiplin orang Jepun, tapi saya tetap pegang adat dan agama Melayu," menegaskan proses hibridisasi budaya. Kelab budaya seperti Otakunisian menyediakan ruang sosial yang sangat signifikan untuk pertukaran dan pembentukan identiti ini.

Objektif 3: Impak pengaruh budaya Jepun terhadap nilai dan amalan budaya tempatan

Tema yang muncul ialah usaha mengekalkan keseimbangan budaya antara pengaruh budaya Jepun dan pemeliharaan nilai tradisi Melayu tempatan. Contoh amalan seperti disiplin dan kebersihan yang diadaptasi daripada budaya Jepun selari dengan usaha mengekalkan nilai kekeluargaan dan adat tempatan. Seorang mahasiswa menyatakan, "Walaupun amalan Jepun

saya adaptasi, saya tetap pegang nilai kekeluargaan dan adat Melayu." Ini menggambarkan proses akulturasi yang seimbang dan kritikal.

Implikasi Teoretikal

Kajian ini menyumbang kepada pengembangan teori hibridisasi budaya dan akulturasi dalam konteks pendidikan tinggi, memberi pemahaman baru tentang pembentukan identiti generasi muda yang hidup dalam dunia global dan digital.

Implikasi Praktikal

Hasil kajian berguna kepada institusi pendidikan dan pembuat dasar untuk merangka pendekatan yang memupuk keseimbangan budaya, memupuk inklusiviti identiti pelajar dan mempersiapkan pelajar mengharungi cabaran budaya global.

Limitasi Kajian

Keterbatasan kajian ialah jumlah responden yang kecil dan fokus pada satu universiti sahaja, yang terhad untuk menggambarkan keseluruhan populasi mahasiswa Malaysia.

7. Kesimpulan

Kesimpulan kajian ini merangkumi rumusan utama dan impak kajian berkenaan Pertukaran Budaya dan Pembentukan Identiti Hibrid yang dipengaruhi oleh Budaya Jepun dalam kalangan Mahasiswa UIS. Kajian ini mengesahkan tiga tema utama yang dikaji:

Penerimaan Budaya: Mahasiswa menunjukkan tahap penerimaan tinggi terhadap budaya popular Jepun, khususnya anime, manga, dan muzik J-Pop yang menarik minat melalui naratif dan nilai estetika.

Identiti Hibrid: Proses hibridisasi budaya membentuk identiti baru di mana mahasiswa menggabungkan nilai budaya Jepun seperti disiplin dan estetika dengan identiti Islam dan tempatan mereka secara reflektif dan selektif. Dialog peserta menjelaskan mereka mampu menavigasi ruang antara amalan budaya hiburan dan prinsip agama.

Kesan Terhadap Budaya Tempatan: Terdapat integrasi budaya asing ke dalam budaya tempatan secara serentak, bukan menggantikan budaya tempatan, walaupun ada perubahan dalam perhatian kepada budaya tradisional.

Kajian ini menyumbang secara teoretikal dengan memperkukuh dan memperluas pemahaman mengenai Teori Hibridisasi Budaya dalam konteks pertukaran budaya popular transnasional di institusi pendidikan tinggi Islam, khususnya dalam kalangan mahasiswa yang menghadapi proses pembentukan identiti yang kompleks dan dinamik. Secara praktikal, kajian ini memberikan panduan berharga kepada pihak pentadbiran universiti dan badan pembangunan belia dalam merangka strategi yang berkesan untuk memanfaatkan minat mahasiswa terhadap budaya asing, terutamanya budaya Jepun, bagi memupuk nilai-nilai positif seperti disiplin, semangat juang, dan keseimbangan identiti yang menghormati akar budaya tempatan sambil terbuka kepada pengaruh global.

Secara keseluruhan, pengaruh Budaya Jepun dalam kalangan Mahasiswa UIS merupakan manifestasi adaptasi budaya yang sihat dan proses kreatif pembentukan identiti yang berakar pada nilai tempatan tetapi terbuka kepada pengaruh luar, sesuai dengan cabaran globalisasi masa kini. Ini merangkum keseluruhan kajian dengan menjawab persoalan utama kajian dan meninggalkan kesan ilmiah serta praktikal yang jelas.

Rujukan

- Costello, P. J. (2015). *Cross-cultural experiences and identity development*. International Journal of Intercultural Relations, 48, 1-12.
- Giddens, A. (1991). *Modernity and self-identity: Self and society in the late modern age*. Stanford University Press.
- Giddens, A. (1997). *The transformation of intimacy: Sexuality, love and eroticism in modern societies*. Stanford University Press.
- Haryati Abdul Karim. (2014). *Globalisasi, penggunaan media dan identiti hibrid di kalangan remaja Malaysia*. Jurnal Komunikasi Borneo, 8(1), 15-28.
- Zainol Abidin Kasim. (2020). *Kajian identiti pelajar-pelajar Malaysia di Jepun: hubungan dalam kelompok sosial 'in-group' dan 'out-group'* (Tesis sarjana). Universiti Malaya.
- Ahmad Afiq Md Hashim, & Abdul Latiff Bin Ahmad. (2020). Adaptasi budaya pelajar Malaysia di Jepun: Satu kajian kualitatif. *Jurnal Pengajian Asia Timur*, 12(2), 45-60.
- Azrina Husin. (2004). Japanese food culture in Malaysia. *Universiti Sains Malaysia*.
- ZA Kasim, "Pelajar Malaysia di Jepun: Hubungan dalam Kelompok Sosial," Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun, Universiti Malaya.
- SL Ahmad, "Pengaruh Jepun Terhadap Bidang Pendidikan di Tanah Melayu," Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Salleh bin Wasik, "Adaptasi Antarabudaya Penghijrahan Pelajar Malaysia ke Jepun dan Negara Asia Lain," UKM.
- Noraini Omar, "Pendidikan Silang Budaya dalam Sistem Persekolahan di Malaysia," Jurnal Pendidikan Multikultural.
- RM Nor, "Program Belajar ke Luar Negara: Mengapa Jepun dan Perbandingan Budaya Pelajar," Jurnal Pengajian Antarabangsa.
- M Lee, "Hybrid Universities in Malaysia: Kajian Institusi Pengajian Tinggi," Kajian Universiti Malaysia.